

Makanan Harian

JUZUK 30

Khasiat dan Fadilat

Santapan rohani terpenting yang disajikan setiap hari adalah menerusi bacaan Al-Quran Juzuk 30 beramai-ramai. Menerusi juadah ini, pelajar dapat menikmati kelebihan yang terkandung didalamnya sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW seperti berikut; Saiyidatina Aisyah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Surah Al-Zalzalah menyamai separuh Al-Quran, Surah Al-Ikhlash menyamai sepertiga Al-Quran, dan Surah Al-Kafirun menyamai seperempat Al-Quran” (Hadith riwayat Al-Tirmidzi).

Adapun tentang khasiat yang dapat dihirup oleh pelajar adalah seperti;

Pertama, mengetahui balasan syurga untuk orang yang takut kepada Allah SWT dan menahan diri daripada hawa nafsu (Surah Al-Naziat: 40-41)

Kedua, wajah orang beriman yang berseri-seri pada hari kiamat (Surah Abasa: 38)

Ketiga, beramanah dalam berniaga (Surah Al-Mutaffifin: 1-3)

Keempat, berlumba-lumba dalam ketaatan dan kebaikan (Surah Al-Mutaffifin: 26)

Keenam, kepentingan masa dalam kehidupan (Surah Al-Asr:1-3)

Ketujuh, Optimis dalam kehidupan tetapi pada masa yang sama bersyukur nikmat (Surah Al-Dhuha: 1-11)

Kelapan, setiap kesulitan ada kemudahan (Surah Al-Syarah: 1-8)



“Tidak berkumpul satu kaum di suatu rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), mereka itu membaca Al-Qur’an dan saling bertadarus antara mereka melainkan diturunkan ke atas mereka ketenangan, diselubungi rahmat, di kelilingi para malaikat rahmat dan Allah mengingati mereka pada siapa di sisiNya.” (Hadith riwayat Muslim)



Dengan berdoa seseorang akan mendapat ketenangan dalam hati. Hal ini kerana, segala kegusaran dan pengharapan diadukan kepada Allah SWT. Apabila berada dalam keadaan tenang, ia membantu seseorang untuk menghadapi apa jua cabaran hidup dengan baik.

Susunan: Dr Khairul Nizam bin Zainal Badri, PhD

Doa sebagai amalan harian

Menjadi sebab meraih keampunan dan rahmat-Nya

Setiap hari pelajar diwajibkan membaca dan menghafal doa-doa yang telah disediakan mengikut teks yang dikeluarkan oleh JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor). Umat Islam disuruh berdoa kerana besarnya kesan doa tersebut terhadap apa yang akan berlaku. Daripada Ibn Umar R.A, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الدُّعَاءَ يَنْفَعُ مِمَّا نَزَلَ وَمِمَّا لَمْ يَنْزَلْ
فَعَلَيْكُمْ عِبَادَ اللَّهِ بِالذُّعَاءِ

Maksudnya: “*Sesungguhnya doa bermanfaat terhadap apa yang telah diturunkan dan apa yang belum diturunkan. Hendaklah kamu berdoa wahai hamba Allah.*”

Riwayat Al-Tirmidzi (3548)

Manakala dalam sebuah hadith lain, Nabi SAW menjelaskan

—betapa besarnya kuasa doa sehingga mampu mengubah sesuatu takdir. Daripada Thauban RA, Rasulullah SAW bersabda:
إِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ بِالدَّنْبِ يُصِيبُهُ وَلَا يَرُدُّ الْقَدَرَ إِلَّا الدُّعَاءُ

Maksudnya: “*Sesungguhnya seseorang itu boleh terhalang dari rezeki disebabkan dosa yang dilakukannya. Tidak ada yang dapat menolak takdir kecuali doa.*”

Riwayat Ibn Majah (4022), Ahmad (22745) dan Al-Baihaqi dalam Syu’ab Al-Iman (9752)

Seseorang yang tidak berdoa merupakan orang yang keliru dengan konsep takdir dan doa. Di dalam kitab *Majmu’ Fatawa* dijelaskan: “Sesiapa yang berkata: ‘Saya tidak berdoa dan tidak memohon kerana hanya bersandar dengan takdir, maka orang itu keliru. Ini kerana Allah SWT telah menjadikan doa dan permohonan sebagai sebab untuk meraih keampunan dan rahmat-Nya, memberinya petunjuk dan pertolongan serta rezeki-Nya. Jika seseorang telah ditakdirkan kebaikan dengan doa, maka kebaikan tersebut tidak akan dapat diraih kecuali dengan doanya. (Lihat *Majmu’ Fatawa*, 8/69).

Firman Allah SWT sebagaimana maksudnya: *Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul.* Surah Al-Baqarah (186)

ADAB BERDOA

"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendahkan diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas." (Surah Al-A'raf ayat 55)

DOA MENDISPLINKAN DIRI

Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam dirimu dengan merendahkan diri dan dengan perasaan takut (melanggar perintahnya) dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang serta janganlah engkau menjadi daripada orang yang lalai." (Surah Al-A'raf ayat 205)

ALLAH SWT SUKA DENGAN HAMBANYA YANG BERDOA

"Dan Tuhan kamu berfirman, berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina." (Surah Al-Ghafir, ayat 60)

HAFALAN

DOA KETIKA MELIHAT CERMIN

درقد عبد الله بن مسعود رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:



اللَّهُمَّ كَمَا حَسَّنْتَ خَلْقِي فَحَسِّنْ خُلُقِي

يا الله اغكاو تله ممفرايندهكن كجادين
روفاكو مك فرايندهكن قولاً بودي فكريكو.
(رواية احمد دان ابن حبان)

DOA MASUK TANDAS

درقد أنس بن مالك رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ

يا الله، اكو برليندوغ كقدامو درقد
كبوروقن دان كجاهتن.
(رواية البخاري)

DOA KELUAR TANDAS

درقد أنس بن مالك رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى
وَعَافَانِي

سكالا فوجي باكي الله يغ منجاءوهكن
دريكو فباكيت دان مميري كصيحتن
فداكو.
(رواية ابن ماجه)

DOA MEMOTONG KUKU

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ

دغن نام الله دان اتس اكام محمد دان كلوركي محمد.

#Kesemua doa di atas adalah merupakan doa asas yang dipelajari menerusi buku Akhlak Tahun 1